

## BAB VIII

### KESIMPULAN

#### **8.1 Peranan dan Sumbangan Huatuan**

Tempoh 1969-1999 menyaksikan Huatuan memainkan peranan yang aktif dalam proses politik Malaysia. Penglibatan Huatuan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam kancang politik telah menampilkkan pergerakan Huatuan sebagai satu kuasa politik di Malaysia sejajar dengan parti-parti politik Cina seperti MCA, Gerakan, dan DAP. Walaupun tidak memiliki organisasi sebagai parti politik tetapi pergerakan Huatuan berjaya memainkan peranan sebagai kumpulan kepentingan yang mampu memobilisasikan masyarakat Cina massa dalam mendepani sesuatu isu yang membabitkan komuniti Cina. Dalam hal ini penggunaan wahana politik oleh para pemimpin dan aktivis Huatuan bagi memperjuangkan kepentingan komuniti memang menepati model kumpulan kepentingan dan dapat mendatangkan impak serta kesan kepada perkembangan politik Malaysia.

Huatuan pada dasar dasarnya merupakan pertubuhan kebajikan namun perjalanan sejarah Malaysia menunjukkan organisasi-organisasi itu berubah menjadi kumpulan kepentingan yang bersifat politikal. Fenomena transformasi ini berkait rapat dengan milieu politik di Malaysia. Budaya politik Malaysia yang bertunjangkan politik komunal dan politik ketuanan Melayu telah menyumbang kepada penghakisan hak dan kepentingan orang Cina. Keadaan ini mendorong para pemimpin dan aktivis Huatuan menentang penghakisan tersebut. Oleh yang demikian perjuangan Huatuan pada asalnya juga bersifat komunal. Namun sejarah perjuangan Huatuan yang panjang menampilkan perubahan dan perkembangan baru

sesuai dengan perubahan senario politik Malaysia. Dari penelitian yang meliputi 30 tahun perjuangan Huatuan, pengkaji memperoleh beberapa penemuan yang menarik untuk diberi perhatian.

Pertama, kebangkitan kuasa Huatuan di arena politik Malaysia merupakan natijah daripada hegemoni politik Melayu. Hegemoni itu yang terbentuk sejak rusuhan kaum 13 Mei 1969 bertitik tolak dari politik ketuanan Melayu. Dengan kekuasaan politik yang diperoleh, elit politik UMNO melaksanakan berbagai-bagai dasar untuk merealisasikan agenda perjuangan Melayu. Pada anggapan komuniti Cina dasar-dasar seperti DEB, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, dan Dasar Pelajaran Kebangsaan telah menafikan hak mereka dalam bidang ekonomi, pendidikan, dan kebudayaan.

Dalam pada itu hegemoni politik Melayu turut menyebabkan parti-parti politik Cina menjadi kurang berupaya untuk memainkan peranan sebagai pelindung hak dan kepentingan komuniti Cina. Hal ini ditanggapi demikian kerana hegemoni itu nampaknya menyebabkan berlakunya pemunggiran kuasa politik kepada parti-parti politik Cina. Kuasa tawar-menawar mereka dengan UMNO kelihatan sudah terhakis dan apa yang lebih buruk ialah mereka tidak lagi lantang memperjuangkan kepentingan komuniti lantaran mereka mengkhawatir kerjaya politik mereka akan terjejas akibat kehegemonian politik Melayu. Oleh itu, walaupun mereka mendakwa wujud politik perikatan dan kompromi dalam BN tetapi pada realitinya mereka sebenarnya berada dalam kedudukan “agony of coalition”. Dengan keadaan itu maka usaha-usaha untuk melindungi hak dan kepentingan orang Cina melalui politik

kompromi hanya mendatangkan hasil yang minimal dan tidak mampu mencapai hasrat komuniti.

Manakala parti pembangkang Cina yang diwakili DAP juga tidak berkesan dalam melindungi hak dan kepentingan orang Cina. Sungguhpun parti itu lantang mengkritik dasar-dasar negara yang pro-Melayu namun parti itu tidak berupaya mempengaruhi penggubalan dasar negara. Ini menunjukkan parti itu turut berada dalam dilema “futility of opposition”. Sokongan masyarakat Cina yang diraih oleh parti itu menerusi pilihan raya umum tetap tidak membantunya keluar dari kebuntuan tersebut.

Kegagalan parti-parti politik Cina dari badan pemerintah dan pembangkang untuk bereperanan sebagai pelindung hak dan kepentingan orang Cina telah mendorong kemunculan pergerakan Huatuan bertujuan mengambil alih peranan itu. Perjuangan Huatuan yang ditunjangi masyarakat Cina massa sebenarnya mewakili suara hati komuniti itu. Peranan Huatuan sebagai kumpulan pendesak terutamanya menjelang sesuatu pilihan raya umum telah berjaya mengetengahkan tuntutan dan desakan komuniti Cina untuk perhatian dan pertimbangan pihak pemerintah.

Kedua, perjuangan Huatuan di Malaysia didasari penuntutan hak kesamarataan. Akibat pelaksanaan dasar-dasar negara yang berpaksikan agenda perjuangan Melayu, rakyat bukan Melayu diberi layanan yang tidak saksama. Pada pandangan masyarakat Cina, pelaksanaan dasar afirmatif bagi membantu orang Melayu dalam pelbagai bidang mengandungi unsur diskriminasi kaum yang menidakkannya hak-hak mereka sebagai warganegara Malaysia. Mereka beranggapan

penetapan status bumiputera dan bukan bumiputera menjadi punca kepada ketidaksamarataan hak di kalangan rakyat. Oleh itu, asas perjuangan Huatuan menjurus kepada pemansuhan status tersebut. Kecenderungan ini dapat dilihat dalam dua buah dokumen tuntutan Huatuan yang penting, iaitu PBPCM dan Suqiu yang mengandungi desakan untuk menggugurkan penetapan status itu.

Dengan pegangan kesamarataan hak di atas, komuniti Cina berpendapat bahawa kerajaan harus memberi layanan yang sama kepada pendidikan, kebudayaan, dan agama mereka. Namun model pembinaan negara-bangsa Malaysia lebih menjurus kepada pembentukan *monoculture state* ( Abdul Ghapa 1995 : 7 ). Hal yang demikian memperlihatkan kerajaan melaksanakan dasar yang bersifat asimilatif ke arah kemelayuan dengan meminggir dan menidakkannya hak pengamalan kebudayaan dan pendidikan kumpulan-kumpulan etnik yang lain. Oleh itu pergerakan Huatuan juga bertumpu kepada penentangan terhadap dasar-dasar kerajaan yang bersifat demikian.

Pada anggapan para pemimpin dan aktivis Huatuan, dasar-dasar tersebut mampu menggugat identiti kecinaan mereka dan membawa kepada asimilasi.<sup>1</sup> Kecenderungan ini amat ditakuti mereka. Dalam hal ini mereka menganggap pendidikan Cina sebagai tonggak bagi melestarikan identiti kecinaan. Maka sekolah-sekolah Cina yang ada di Malaysia dilihat sebagai benteng terakhir untuk menangkis usaha kerajaan ke arah itu. Hakikat ini menyebabkan isu pendidikan Cina selalu

---

<sup>1</sup> Walaupun pada tahun 1996 Dr. Mahathir telah memberitahu bahawa dasar asimilasi tidak sesuai lagi untuk Malaysia ( lihat *Utusan Malaysia* 7.8.1996 ), namun kebimbangan di kalangan Cina itu tetap wujud. Umpamanya pengenalan Sekolah Wawasan oleh kerajaan dilihat oleh komuniti Cina sebagai usaha penghakisan identiti kecinaan mereka.

menjadi isu kontroversial di Malaysia. Sebarang usaha kerajaan untuk mengubah kedudukan sekolah-sekolah Cina akan ditentang oleh para pemimpin dan aktivis Huatuan.

Hal ini dapat dilihat apabila rancangan kerajaan dalam melaksanakan Skim 3M dan menempatkan pentadbir sekolah tanpa kelayakan bahasa Cina di SJK(C) telah mendapat kecaman dan bantahan hebat daripada orang Cina. Kejadian itu seterusnya menyebabkan pemimpin-pemimpin Huatuan menyertai politik elektoral secara langsung melalui pendekatan *Sanjiehe* dan gagasan Sistem Dua Barisan. Perkembangan ini menunjukkan isu pendidikan Cina akan terus menjadi isu perjuangan Huatuan yang utama lantaran ia merupakan penentu kepada kelangsungan kaum Cina di Malaysia. Umpamanya pergerakan Huatuan memperjuangkan pemansuhan Sekolah Wawasan pada akhir dekad 90-an.

Ketiga, kebangkitan pergerakan Huatuan sebagai satu kuasa politik yang mampu membawa impak kepada kekuasaan BN/UMNO telah menyebabkan pemerintah bertindak atas kepentingan politik bagi menyerap dan menguasai atau melemahkan pergerakan Huatuan. Langkah ini diambil supaya Huatuan yang selama ini lebih berperanan sebagai kumpulan pendesak dan pengkritik kerajaan dapat diubah menjadi penyokong kerajaan. Dengan ini Huatuan yang memiliki pengaruh dalam masyarakat Cina diharapkan dapat menggerakkan komuniti itu untuk menyokong BN.

Usaha-usaha penyerapan dan penguasaan terhadap Huatuan dijalankan oleh parti-parti politik Cina dalam BN, khususnya MCA. Parti MCA didapati

menggalakkan ahli-ahlinya menyertai Huatuan dan seterusnya menguasai pucuk pimpinannya. MCA membantu dalam pemerolehan kelulusan pendaftaran GPCM daripada kerajaan dan seterusnya mempengaruhi pucuk pimpinannya supaya menyokong kerajaan. Selain GPCM, satu lagi persatuan peneraju masyarakat Cina, ACCCIM turut dipengaruhi dan menjadi penyokong BN. Usaha badan pemerintah tersebut telah mendatangkan hasil memandangkan kedua-dua buah pertubuhan itu mengisyiharkan pendirian untuk menyokong BN dan menyeru para pengundi Cina berbuat demikian dalam pilihan raya umum 1995 dan 1999. Bagaimanapun MCA gagal menyerapi dan mempengaruhi Dongjiaozong. Dengan kegagalan itu maka timbul pula cadangan dalam tahun 1992 bagi menubuhkan pertubuhan alternatif demi mengambil alih peranan Dongjiaozong. Usaha itu juga tidak membawa hasil.

Manakala pertubuhan-pertubuhan yang kekal sebagai kumpulan pendesak dalam memperjuangkan kepentingan orang Cina pula ditekan dan dikekangi pihak pemerintah. Usaha-usaha ini diambil demi memecah-belah dan melemahkan atau meminggirkan pergerakan Huatuan dengan harapan pengaruhnya dalam komuniti Cina akan menyusut. Umpamanya Dongjiaozong yang berperanan sebagai persatuan peneraju utama telah menjadi sasaran kritikan dan tekanan oleh pihak kerajaan.

Bagi mencapai matlamat melemahkan pergerakan Huatuan, permintaan dan tuntutan Huatuan sering kali dilabel sebagai bersifat cauvinistik dan perkauman. Contohnya, ACCCIM yang pada suatu ketika dahulu lantang memperjuangkan kepentingan Cina dilabel sebagai bercauvinistik Cina dan memainkan peranan perkauman ( Mahathir 1982 : 54 ). Pertubuhan-pertubuhan seperti DPCS dan Dongjiaozong yang mengemukakan Memorandum Kebudayaan Kebangsaan,

PBPCM serta menentang penempatan pentadbir sekolah tanpa kelayakan bahasa Cina di SJK(C) pula dituduh oleh kerajaan dalam Kertas Putih Operasi Lalang sebagai kumpulan pendesak ekstremis ( Das & Suaram 1989 : 128 ). Selanjutnya nasib yang sama turut menimpa Jawatankuasa Suqiu dalam tahun 2000. Selain itu, kuasa tahanan polis juga dikenakan kepada para aktivis Huatuan yang lantang dalam perjuangan. Ini dapat dilihat dalam tangkapan di bawah ISA terhadap empat orang pemimpin Huatuan melalui Operasi Lalang.

Keempat, tindakan *co-optation* pemerintah terhadap pergerakan Huatuan telah menyebabkan berlakunya perbalahan dan perpecahan dalam pergerakan itu. Dengan intervensi pemerintah, pergerakan yang sebelum ini merupakan satu kuasa padu mula mengalami perbalahan dan berpecah kepada aliran kompromi dan aliran pendesak dalam dekad 90-an. Aliran kompromi yang diwakili ACCCIM dan GPCM menyanjung penggunaan pendekatan permuafakatan/musyawarah dalam melindungi kepentingan komuniti Cina. Oleh sebab pendukung aliran itu merupakan penyokong kerajaan maka pertubuhan-pertubuhan mereka mendapat pengiktirafan dan sanjungan pemerintah. Pucuk pimpinan mereka pula mudah mendampingi barisan pemimpin negara. Manakala pendukung aliran pendesak yang terus lantang dalam perjuangan mereka menghadapi penekanan daripada kerajaan. Bagaimanapun persatuan-persatuan demikian seperti Dongjiaozong dan DPCS <sup>2</sup>pula lebih mendapat pengiktirafan daripada komuniti Cina peringkat *grass root* dan perjuangan mereka juga lebih mencerminkan suara hati orang Cina.

---

<sup>2</sup> Pertubuhan ini pada kebanyakan masa lantang mengkritik dasar-dasar kerajaan, namun terdapat satu tempoh DPCS bersikap prokerajaan, iaitu dalam tempoh penerajuan Lim Geok Chan ( 1990-1994 ) dan Ng Teck Fong ( 1994-1998 ). Kedua-dua orang pemimpin itu merupakan penyokong kuat MCA.

Perbalahan dan perpecahan dalam pergerakan Huatuan juga berkait rapat dengan kelemahan kepemimpinan Huatuan. Pucuk pimpinan Huatuan di Malaysia kebanyakannya dikuasai usahawan-usahawan Cina. Mereka memiliki rangkaian perniagaan yang besar di Malaysia. Seperti juga kebanyakannya ahli korporat Cina, mereka tidak dapat mengelak daripada bergantung secara langsung atau tidak langsung kepada penaungan badan pemerintah yang kebanyakannya merupakan elit politik UMNO bagi memperluas perniagaan mereka. Keadaan ini menyebabkan mereka memilih satu jalan selamat, iaitu tidak bercanggah dengan kehendak pemerintah semasa memimpin pergerakan Huatuan agar kepentingan perniagaan mereka tidak terjejas. Oleh itu mereka didapati tidak lantang dalam memperjuangkan kepentingan masyarakat Cina. Kecenderungan ini mendedahkan golongan pemimpin Huatuan kepada usaha penyerapan dan penguasaan pemerintah. Hakikat itu menunjukkan politik penaungan UMNO turut mempengaruhi pergerakan Huatuan. Hal yang demikian telah berlaku kepada pucuk pimpinan ACCCIM dan GPCM.

Walaupun aliran kompromi mendapat sokongan dan pengiktirafan pemerintah tetapi pertubuhan-pertubuhan tersebut gagal memperoleh sanjungan masyarakat Cina massa. Hal ini demikian kerana para pendukung aliran kompromi tidak lantang memperjuangkan hasrat dan tuntutan orang Cina. Umpamanya keengganannya ACCCIM dan GPCM untuk menandatangani Suqiu menjelaskan hakikat ini. Dalam pada itu Dongjiaozong pula muncul sebagai pertubuhan terpenting dalam pergerakan Huatuan di Malaysia. Pertubuhan itu yang bertapak melalui kejayaannya memimpin gerakan pendidikan Cina merupakan Huatuan yang lantang memperjuangkan berbagai-bagai kepentingan komuniti Cina.

Kecenderungan ini menyebabkan Dongjiaozong berperanan sebagai persatuan peneraju utama dalam mempelopori sesuatu tindakan atau pendekatan bagi menghadapi penghakisan hak dan kepentingan orang Cina. Ini dapat dilihat dalam usaha pertubuhan itu merintis pendekatan *Sanjiehe* dan gagasan Sistem Dua Barisan<sup>3</sup> agar mereka dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam politik elektoral. Peranannya sebagai peneraju dalam menggerakkan tuntutan Suqiu juga membuktikan hakikat tersebut. Hal yang demikian menyumbang kepada penyanjungan orang Cina terhadap pertubuhan itu dan seterusnya memudahkannya menggembung tenaga komuniti itu.

Kelima, pergerakan Huatuan yang memulakan perjuangan mereka atas landasan kepentingan komunal didapati berkembang ke arah non-komunal yang bersifat *civic*. Kecenderungan baru ini terus diwarisi oleh Huatuan aliran pendesak dalam dekad 90-an. Perjuangan Huatuan dalam dekad 70-an yang berlandaskan kepentingan komunal dengan menyatupadukan semua orang Cina bagi menghadapi hegemoni Melayu telah menemui kebuntuan. Pertukaran hala perjuangan Huatuan kepada landasan hak demokrasi dan sivil dalam pertengahan tahun 80-an memberi nafas baru kepada pergerakan Huatuan. Dengan landasan baru itu segala permintaan dan tuntutan komuniti Cina dikemukakan melalui kerangka hak demokrasi dan sivil yang tidak harus disekat oleh pemerintah. Ruang-lingkup perjuangan Huatuan juga telah diperluas untuk mencakupi kepentingan pelbagai kaum.

---

<sup>3</sup> Walaupun gagasan itu dikemukakan oleh CRC dalam tahun 1986, namun didapati ramai anggota CRC merupakan aktivis pendidikan Cina dari Dongjiaozong. Antara pemimpin pertubuhan itu yang menganggotai CRC pada tahun 1986 ialah Lim Fong Seng, Sim Mow Yu, Lau Sik Thong, dan Kua Kia Soong.

Perubahan haluan perjuangan Huatuan memberi kesan positif kepada pergerakan itu sendiri. Kemuncak kepada kesan itu dapat dilihat dalam isu Suqiu. Walau Suqiu dibidas oleh pemerintah sebagai tuntutan golongan ekstremis Cina tetapi dokumen itu telah mendapat sokongan NGO-NGO yang merentasi batasan kaum. Parti-parti politik Melayu seperti Keadilan dan PAS turut menerima dan menyokong Suqiu. Ini menunjukkan perjuangan Huatuan tersebut sudah tidak dilihat sebagai tuntutan komunal oleh sesetengah orang Melayu. Dalam hal ini pergerakan Huatuan yang mendukungi Suqiu ternyata mendapat manfaat daripada kewujudan “politik baru” natijah daripada kes pemecatan Anwar dan gerakan reformasi.

Perkembangan baru ini memberi kesan yang bermakna kerana ia mula merintis jalan kepada kerjasama antara pertubuhan-pertubuhan Cina dengan NGO-NGO lain yang sebelum ini tidak sehaluan dalam perjuangan mereka. Kerjasama yang menjangkaui batasan kaum ini mampu menggembung tenaga rakyat pelbagai kaum bagi memperjuangkan isu-isu yang lebih besar seperti keadilan, ketelusan dan akauntabiliti kerajaan yang mendepani Malaysia. Dalam hal ini pergerakan Huatuan yang ditunjangi perkembangan baru itu didapati mampu memberi sumbangan ke arah pembentukan masyarakat sivil. Keadaan ini dapat memperkasakan peranan kumpulan-kumpulan kepentingan yang sedia ada dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan politik Malaysia. Hakikat ini dapat dilihat dalam nukilan di bawah :

The recent joint manifesto by more than 2000 Chinese Malaysian associations calling for far-reaching national reforms is a sign that Malaysian civil society has arrived and that civil groups are no more cowed by the state and its apparatus of dominance.

( Saravanamuttu 1999 : 13 )

Keenam, sungguhpun pergerakan Huatuan gagal dalam usahanya bagi mengekang hegemoni yang ditunjangi UMNO, namun dari sudut keberkesanan sebagai kumpulan kepentingan, ia sebenarnya mencatatkan kejayaan. Hegemoni Melayu yang berlandaskan politik ketuanan Melayu yang menebal merupakan suatu kontruksi politik yang mantap dan utuh. Oleh itu ia tidak mungkin dicabar oleh mana-mana parti politik bukan Melayu ataupun pertubuhan bukan politik. Maka hegemoni tajaan UMNO akan terus kekal sebagai mitos dalam politik Malaysia sehingga muncul satu kuasa pembangkang Melayu yang bisa menyaingi kekuasaan UMNO. Dengan senario baru politik negara selepas pilihan raya umum 1999, PAS kelihatan berkemampuan memainkan peranan tersebut.

Pergerakan Huatuan didapati berkesan sebagai kumpulan kepentingan di Malaysia. Perjuangan Huatuan direalisasikan menerusi pelbagai pendekatan seperti membuat desakan dan tuntutan melalui penyerahan memorandum atau mengumumkan dokumen tuntutan, melobi sokongan parti politik, menyertai politik elektoral, memprotes dan bahkan berdemonstrasi. Melalui pendekatan-pendekatan ini, Huatuan sebenarnya muncul sebagai kumpulan pendesak yang boleh dianggap berjaya menonjolkan permintaan dan tuntutan orang Cina untuk perhatian pihak pemerintah.

Walaupun penyertaan secara langsung para pemimpin dan aktivis Huatuan dalam politik sama ada melalui parti pemerintah atau parti pembangkang tidak mendatangkan kesan yang diharapkan, namun pergerakan itu telah berjaya menampilkan diri sebagai satu kumpulan yang mampu mempengaruhi pola

pengundian masyarakat Cina dalam sesuatu pilihan raya umum. Hal ini berlaku kerana pendirian yang diputuskan oleh para pendukung pergerakan Huatuan mengenai sesuatu isu yang membabitkan kepentingan orang Cina adalah ditanggapi oleh masyarakat Cina massa sebagai sokongan ataupun penolakan terhadap badan pemerintah. Oleh itu mereka akan menyokong pendirian tersebut dan seterusnya menzahirkan sokongan itu dalam pilihan raya umum.

Kemunculan kuasa politik Huatuan ini mendapat perhatian pihak pemerintah. Dengan keadaan ini maka pihak kerajaan BN kelihatan mempertimbangkan kepentingan komuniti Cina yang diperjuangkan oleh Huatuan lantaran tidak mahu kehilangan sokongan mereka dalam pilihan raya umum. Trend ini berlaku terutama dalam isu yang berkaitan dengan pendidikan Cina. Umpamanya perjuangan Huatuan untuk memansuhkan Artikel 21(2) Akta Pelajaran 1961 dan membantah pelaksanaan Sekolah Integrasi dan Sekolah Wawasan telah memperoleh kejayaan.

## 8.2 Penutup

Secara keseluruhan dapat dirumuskan bahawa pergerakan Huatuan di Malaysia berjaya memainkan peranannya sebagai kumpulan kepentingan untuk masyarakat Cina. Kejayaan ini dicapai dalam satu keadaan yang mengekang dan menekan pergerakan Huatuan. Cabaran utama kepada perjuangan Huatuan ialah pengamalan politik komunal dengan ditunjangi politik ketuanan Melayu. Dengan dominasi politik komunal ini, permintaan dan tuntutan komuniti Cina mengikut lunas hak demokrasi dan sivil sering kali dianggap sebagai tuntutan komunal yang memperlihatkan sifat cauvinistik dan ekstremis.

Walau bagaimanapun dengan kewujudan politik baru selepas pilihan raya umum ke-10, pergerakan Huatuan dijangka mempunyai harapan yang lebih cerah dalam perjuangannya. Hal ini demikian kerana politik komunal mula menerima impak apabila berbagai-bagai bentuk kerjasama yang menjangkui batasan etnik telah terjalin antara parti pembangkang dan juga NGO-NGO menjelang dan semasa pilihan raya umum kali itu. Ini menunjukkan kesedaran dan pembabitan cergas dalam politik di kalangan rakyat semakin meningkat. Amalan demokrasi berpartisipasi inilah yang mampu membawa kepada pendemokrasian politik di Malaysia. Dalam keadaan ini, pengiktirafan tuntutan Suqiu oleh sesetengah orang Melayu dan pelbagai NGO menyerlahkan bahawa jalan keluar dan masa depan bagi pergerakan Huatuan ialah mengubah menjadi pergerakan *civic*. Kecenderungan ini sudah berlaku dalam Huatuan yang beraliran pendesak.

Perubahan Huatuan yang demikian bakal mencabar amalan politik komunal tajaan kerajaan BN. Dengan perkembangan ini maka pergerakan Huatuan dapat mengelak daripada dilabel oleh pemerintah sebagai pertubuhan yang bersifat cauvinistik dan ekstremis. Dengan berperanan sebagai pergerakan *civic*, perjuangan Huatuan lebih mudah diterima oleh rakyat bukan Cina dan NGO-NGO pelbagai kaum. Amalan mengemukakan tuntutan dan desakan serta melobi parti-parti politik bagi menyokong perjuangan Huatuan merupakan amalan demokrasi berpartisipasi yang tidak patut dikekangi. Oleh itu, pergerakan Huatuan turut berupaya menjadi penyumbang kepada pembentukan masyarakat sivil di Malaysia.

### **Poskrip**

Perjuangan Huatuan melalui Suqiu yang berjaya meraih sokongan 2095 buah persatuan Cina dari seluruh Malaysia telah menampilkkan kuasa NGO dari masyarakat Cina. Walaupun tuntutan/rayuan Suqiu mendapat perhatian dan sokongan dari parti BN dan parti-parti pembangkang menjelang pilihan raya umum 1999, namun Suqiu telah ditimpa nasib buruk selepas pilihan raya umum. Jawatankuasa Suqiu menjadi sasaran kritikan oleh para elit UMNO setelah ia meraikan ulang tahunnya pada 16 Ogos 2000. Dua hari kemudian Pemuda UMNO yang diketuai Naib Ketuanya Abdul Aziz Sheikh Fadzir melancarkan satu demonstrasi di bangunan DPCS untuk mendesak Suqiu menarik balik semua tuntutan dan memohon maaf kepada seluruh orang Melayu. Selanjutnya Dr. Mahathir dalam perutusan sambutan Hari Kemerdekaan ke-43 (tahun 2000) telah membidas para pendukung Suqiu sebagai ekstremis Cina yang menyerupai golongan komunis.

Peneraju kepada Jawatankuasa Suqiu, iaitu Dongjiaozong menjadi sasaran kritikan apabila isu Sekolah Wawasan memuncak dalam pertengahan tahun 2000. Dr. Mahathir mengkritik penentangan pertubuhan itu terhadap pelaksanaan Sekolah Wawasan dan menganggap perjuangannya yang bersandarkan sistem pendidikan negara China tidak boleh diguna pakai di Malaysia (*Utusan Malaysia* 7.11.2000). Dongjiaozong seterusnya memperjuangkan bantahannya menerusi wadah politik dengan penglibatan beberapa orang pemimpinnya di pilihan raya kecil Lunas, Kedah. Perdana Menteri sekali lagi menyelar para pemimpin pertubuhan itu yang menyebelahi parti pembangkang sebagai pelampau Cina tiga hari sebelum pembuangan undi di pilihan raya kecil tersebut (*Utusan Malaysia* 27.11.2000).

Kecaman-kecaman yang pedas terhadap Suqiu dan Dongjiaozong itu merupakan salah satu sebab penting yang menyumbang kepada kekalahan calon BN.

Akibat kekalahan BN di Lunas dan krisis kehilangan pengaruh UMNO selepas pilihan raya umum 1999, penekanan terhadap Dongjiaozong dan Jawatankuasa Suqiu semakin meningkat. Umpamanya selain pemimpin-pemimpin kanan UMNO dan Pemuda UMNO, berbagai-bagai NGO Melayu termasuk Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) telah mengecam hebat Suqiu dan menuntut ia menggugurkan tuntutannya. Para elit Melayu menuduh Suqiu telah mengungkit isu-isu sensitif dan mengakibatkan ketegangan hubungan kaum di Malaysia. Satu senario yang menggambarkan keselamatan Malaysia terancam berjaya ditonjolkan. Keadaan yang demikian mendorong Lim Kit Siang menyatakan bahawa satu tangkapan di bawah ISA mungkin diambil terhadap para pendukung Suqiu. Dalam kegawatan itu maka Jawatankuasa Suqiu mengadakan rundingan dengan Pemuda UMNO yang bermula pada 24 Disember 2000 bagi mengatasi isu tersebut. Akhirnya jawatankuasa itu bersetuju mengetepikan tujuh tuntutan yang dikatakan mempertikaikan hak istimewa orang Melayu pada 5 Januari 2001.

Dalam perkembangan yang lain pimpinan UMNO mula mengambil beberapa langkah drastik meningkatkan daya saing pelajar Melayu. Umpamanya mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO pada 27 Julai 2001 memutuskan untuk melaksanakan dasar meritokrasi dalam pengambilan pelajar ke universiti awam (*Utusan Malaysia* 28.7.2001). Seterusnya kemasukan pelajar bukan Melayu ke program matrikulasi dan Maktab Rendah Sains Mara juga dibenarkan dengan kuota 10% diberikan kepada mereka. Pada hakikatnya perubahan-perubahan ini merupakan antara

tuntutan yang dikemukakan oleh Suqiu. Namun Suqiu telah dilabel sebagai pencabar hak istimewa orang Melayu.

Perjuangan Huatuan melalui Suqiu dan Dongjiaozong mewakili aliran pendesak dalam pergerakan Huatuan. Oleh sebab itu persatuan-persatuan Cina yang menyertai aliran itu selalu ditekan dan dipinggirkan oleh kerajaan melalui pelbagai wahana. Peminggiran dilakukan dengan memberi galakan kepada pembentukan pertubuhan baru peringkat kebangsaan yang prokerajaan. Pertubuhan-pertubuhan baru ini diharapkan dapat bersaing dengan Dongjiaozong untuk menerajui masyarakat Cina. Umpamanya Gabungan Ikatan Persatuan Cina Selangor pimpinan Liew Poon Siak, seorang pemimpin Huatuan yang merupakan penyokong kuat BN sejak awal tahun 90-an telah dinaikkan taraf menjadi pertubuhan kebangsaan yang bernama Gabungan Ikatan Persatuan Cina Malaysia. Surat kelulusan kenaikan taraf itu telah diserahkan sendiri oleh Dr. Mahathir kepada pemimpin tersebut pada 9 Oktober 2002. Sementara itu, sebuah gabungan pertubuhan *huiguan* yang prokerajaan bernama Tujuh Federasi Utama Persatuan-Persatuan Suku Cina ( Tujuh Suku ) turut ditubuhkan pada awal tahun 2002. Dewan Perhimpunan Kuala Lumpur di bawah tajaan Liew Poon Siak pula diberi kelulusan penubuhan pada 30 Oktober 2003 untuk mengekang dan meminggirkan DPCS. Keadaan ini mendorong pengerusi Dongzong, Quek Suan Hiang menyuarakan kebimbangannya terhadap fenomena peminggiran tersebut dan beliau menyatakan bahawa Dongjiaozong sebagai pelindung kepentingan masyarakat Cina tidak harus dipinggirkan (*Nanyang Siang Pau* 25.3.2002 ).

Pertembungan Dongjiaozong dengan kerajaan berlaku lagi apabila kabinet memutuskan secara rasminya pada 20 Julai 2002 untuk melaksanakan pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Pertubuhan itu membantah keras rancangan itu kerana para pemimpin dan aktivisnya berpendapat bahawa penggunaan bahasa Inggeris tersebut di sekolah rendah Cina mampu menghakis identiti sekolah Cina dan menjadikan prestasi mata pelajaran Matematik dan Sains. Dongjiaozong berjaya menggerakkan berbagai-bagai Huatuan termasuk GPCM untuk membantah rancangan itu. ACCCIM turut tidak bersetuju dengan dasar baru kerajaan itu, namun pertubuhan itu mengambil tindakan yang lebih lembut dengan menghantar memorandum dan bertemu dengan Perdana Menteri pada 2 September 2002. Selain itu Dongjiaozong juga dapat bekerjasama dengan NGO-NGO dari pelbagai kaum dan parti pembangkang yang terdiri daripada DAP, PAS, PRM, dan Keadilan bagi melakukan penentangan.

Penentangan Dongjiaozong telah menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan rakyat berbilang kaum. Sesetengah orang Melayu menganggap bahawa alasan penentangan itu berupa sentimen perkauman dan oleh itu perlu dihentikan ( MASSA 7-13.9.2002 ). Malah Dr. Mahathir sendiri berpendapat bahawa sekolah Cina di Malaysia tidak boleh dan tidak akan sama dengan sekolah Cina di Tanah Besar Cina, maka sekolah Cina di negara ini perlu menerima unsur-unsur yang dianggap “kebangsaan” ( Utusan Malaysia 3.9.2002 ). Komen Perdana Menteri ini ternyata bertujuan menyangkal alasan bantahan yang diajukan oleh para aktivis pendidikan Cina.

Selain berjaya memobilisasikan masyarakat Cina massa untuk menentang dasar baru itu, Dongjiaozong turut berjaya mempengaruhi pendirian parti-parti komponen Cina dalam BN. Oleh hal yang demikian, lima buah parti komponen Cina, iaitu MCA, Gerakan, SUPP, SAPP, dan LDP hanya bersetuju agar penggunaan bahasa Inggeris itu dilaksanakan di sekolah menengah ( Utusan Malaysia 12.9.2002 ). Kemelut dan pertentangan itu akhirnya dapat diselesaikan melalui satu kompromi yang dicapai dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang berlangsung pada 31 Oktober 2002. Formula kompromi itu menetapkan pembelajaran Matematik dan Sains di sekolah rendah Cina diadakan dalam dua bahasa, iaitu bahasa Cina dan bahasa Inggeris.

Walaupun penentangan Dongjiaozong itu tidak mencapai matlamat sepenuhnya, namun episod ini menunjukkan bahawa Dongjiaozong merupakan sebuah NGO model yang mampu memobilisasikan rakyat dari pelbagai kaum untuk menuntut sesuatu kepentingan bersama. Hakikat ini membuktikan bahawa pergerakan Huatuan dari aliran pendesak berupaya menjadi penggerak kepada kuasa masyarakat sivil dalam komuniti Cina dan seterusnya menyumbang kepada pergerakan NGO di Malaysia. Kecenderungan ini dapat dilihat apabila 68 buah NGO, termasuk dari Huatuan telah mengemukakan *Joint Memorandum On Reforming Malaysia* kepada Abdullah Ahmad Badawi pada 13 November 2003. Manakala 23 buah NGO yang merentasi pelbagai kaum telah mengajukan dokumen tuntutan bukan komunal menjelang pilihan raya umum 2004. Sementara itu pertubuhan gabungan mahasiswa iaitu Solidariti Mahasiswa Malaysia turut mengemukakan dokumen "Mahasiswa Menuntut Perubahan" pada 8 Mac 2004.

Apabila Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada 1 November 2003, beliau telah melaksanakan beberapa perubahan untuk membawa nafas baru kepada pentadbirannya. Antaranya ialah ketegasan dalam memerangi gejala rasuah dan mengkaji semula pelaksanaan beberapa buah projek mega yang telah diputuskan oleh pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad. Selain itu, imej beliau yang bersih, beramanah, dan sederhana mendapat sanjungan rakyat. Slogannya “Bekerja bersama saya, bukan untuk saya” pula sangat memikat hati orang ramai. Ini menunjukkan beliau berjaya menampilkan sebuah pentadbiran yang mesra rakyat. Manakala latar belakang keagamaannya membolehkan beliau menghadapi cabaran PAS dengan lebih berkesan. Beliau memperkenalkan Islam Hadhari, iaitu islam yang progresif untuk menyaingi gagasan Negara Islam tajaan PAS. Setelah berjaya menampilkan ketokohan dan kredibiliti sebagai pemimpin negara, beliau mengadakan pilihan raya umum 2004 pada 21 Mac 2004. Dalam keadaan yang kondusif kepada BN inilah maka parti pemerintah itu mencatat satu kemenangan yang besar.

Parti BN berjaya memperoleh 198 daripada 219 kerusi atau 90.4% perwakilan di Parlimen dan 453 kerusi daripada 505 kerusi DUN yang dipertandingkan. Ini merupakan satu mandat yang besar kepada Abdullah Ahmad Badawi. Keputusan pilihan raya umum kali ini menunjukkan terdapat arus perubahan di kalangan pengundi Melayu. Peralihan sokongan orang Melayu dari PAS kepada UMNO adalah amat ketara. Ini menyebabkan PAS mengalami kekalahan teruk dengan hanya memenangi 7 kerusi Parlimen dan 36 kerusi DUN. Teraju pentadbiran parti itu di Terengganu juga berlepas tangan kepada BN. Selain pencapaian cemerlang UMNO, parti-parti Cina komponen BN juga memperoleh keputusan yang

agak baik. MCA memenangi 31 kerusi Parlimen dan 76 kerusi DUN. Gerakan pula mencatat kemenangan di 10 kawasan Parlimen dan 30 kawasan DUN. Parti pembangkang yang masih dapat bertahan dalam arus perubahan ini ialah DAP yang memperlihatkan parti itu memenangi 12 kerusi Parlimen dan 15 kerusi DUN. Manakala prestasi parti Keadilan merosot kepada 1 Parlimen sahaja. Jadual berikut merincikan prestasi parti-parti yang bertanding :

Jadual 8.1 Prestasi Parti-parti Politik dalam Pilihan Raya Umum 2004  
(Parlimen dan DUN)

Parti	Parlimen		DUN	
	Tanding	Menang	Tanding	Menang
<b>BN</b>				
UMNO	117	109	337	302
MCA	40	31	90	76
Gerakan	12	10	31	30
MIC	9	9	19	19
PPP	1	1	1	0
BN Sarawak	28	27	-	-
BN Sabah	12	11	27	26
Jumlah Kecil	219	198	505	453
<b>Pembangkang</b>				
PAS	85	7	262	36
Keadilan	58	1	118	0
DAP	44	12	106	15
MDP	1	0	0	0
Snap	7	0	-	-
Star	1	0	-	-
Pasok	1	0	16	0
Setia	1	0	13	0
Bersekutu	0	0	9	0
Bebas	30	1	86	1
Jumlah Kecil	228	21	610	52
<b>Jumlah Besar</b>	447	219	1115	505

Sumber : Susunan pengkaji dari akhbar *Utusan Malaysia* 23.3.2004 ;  
*Sin Chew Jit Poh* 23.3.2004

Catatan : 1. Kerusi yang ditandingi BN Sabah tidak mengambi kira kerusi yang ditandingi oleh UMNO dan MCA di negeri itu.  
2. Pilihan raya umum untuk DUN Sarawak tidak diadakan serentak.

Kemenangan besar yang dicapai oleh BN telah menyebabkan dominasi parti pemerintah itu di Parlimen dan seterusnya menyebabkan kuasa pembangkang menjadi semakin lemah. Dominasi BN ini sebenarnya ditunjangi UMNO. UMNO menyumbang 109 kerusi atau 55.1% daripada keseluruhan kerusi Parlimen yang dimenangi BN. Manakala untuk DUN, parti itu menyumbang sebanyak 66.7% atau 302 kerusi daripada keseluruhan kerusi BN yang berjumlah 453. Ini menunjukkan penghakisan kuasa politik UMNO yang dialami dalam pilihan raya umum 1999 akibat gerakan reformasi telah dapat ditangani. Oleh itu dapat dirumuskan bahawa dominasi atau lebih tepat hegemoni politik UMNO tetap relevan dalam arena politik Malaysia.

Dalam pada itu politik orang Cina tetap berpecah kepada MCA, Gerakan, dan DAP. Ketiga-tiga buah parti politik ini tidak berupaya mengekang hegemoni politik UMNO. Malah MCA dan Gerakan didapati selesa berperanan sebagai rakan yang lebih subordinat berbanding dengan UMNO dalam amalan politik gabungan yang menjadi sanjungan BN. Namun kemunculan kembali DAP sebagai parti pembangkang utama di Malaysia membuktikan bahawa rakyat bukan Melayu, terutamanya orang Cina yang juga merangkumi aktivis Huatuan aliran pendesak ingin melihat dominasi UMNO/BN itu dapat dikekang agar satu sistem demokrasi yang lebih sihat dapat direalisasikan di Malaysia.